

KUALA LUMPUR, 9 MAC (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI, BAHAWA KERAJAAN, DALAM MELAKSANAKAN KURIKULUM BARU SEKOLAH RENDAH (SISTEM 3M), TIDAK AKAN MEMBENARKAN KEPENTINGAN POLITIK MANA—MANA PIHAK MEROSAKKAN NASIB KANAK—KANAK YANG SEDANG BELAJAR.

PERDANA MENTERI JUGA MENGINGATKAN PIHAK—PIHAK TERTENTU JANGAN MENGGUNAKAN 3M SEBAGAI ISU UNTUK MEROSAKKAN KEHARMONIAN YANG KERAJAAN RANCANG DAN USAHAKAN UNTUK NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KESAL ADA PIHAK—PIHAK YANG MASIH SENGAJA MENYALAHTAFSIR USAHA BAIK ITU DENGAN SEKALI LAGI MENGAITKAN PERUNTUKAN DALAM AKTA PELAJARAN DENGAN KUASA YANG MEMBOLEHKAN KERAJAAN MENUKARKAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN KEPADA SEKOLAH KEBANGSAAN.

BELIAU MENGULANGI BAHAWA REKOD KERAJAAN SELAMA 25 TAHUN MENUNJUKKAN TIDAK ADA NIATNYA UNTUK MENYALAHGUNAKAN PERUNTUKAN ITU.

PERDANA MENJAWAB SEKALI GUS 36 SOALAN PARA WAKIL RAKYAT MENGENAI 3M TERMASUK OLEH ENCIK LIM CHO HOCK, (DAP—IPOH) DI DEWAN RAKYAT HARI INI. — BERSAMBUNG 1635/SZ

B573
PARLIMEN—MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENEGASKAN KERAJAAN MALAYSIA ADALAH KERAJAAN CAMPURAN YANG TERDIRI DARIPADA SEMUA KAUM.

KATANYA, KERAJAAN SATU KAUM TIDAK MUNGKIN BERKUASA DI MALAYSIA MELAINKAN KERJASAMA ANTARA KAUM YANG TERDAPAT SEKARANG DITAMATKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGAKUI BAHAWA KERAJAAN MEMANG MENJANGKA MENGHADAPI MASALAH KETIKA MELAKSANAKAN SISTEM 3M DAN ATAS KESEDARAN ITULAH IA DICUBA DAHULU DALAM 302 BUAH SEKOLAH RENDAH.

KERAJAAN TELAH PUN DAPAT MENGESAN MASALAH—MASALAH ITU DAN PERDANA MENTERI YAKIN RINTANGAN—RINTANGAN ITU DAPAT DIATASI MENJELANG PELAKSANAAN SEPENUHNYA SISTEM 3M TAHUN DEPAN.

KATANYA ANTARA MASALAH YANG DAPAT DIKESAN SETAKAT INI BERHUBUNG DENGAN KEUPAYAAN GURU, KEKESANAN BAHAN DAN KESESAKAN BILIK DARJAH.
— BERSAMBUNG 1637/SZ

B574
PARLIMEN—MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BEBERAPA ORANG WAKIL RAKYAT PULA MERAGUKAN KESEDIAAN KEMENTERIAN PELAJARAN UNTUK MELAKSANAKAN SEPENUHNYA SISTEM 3M MULAI TAHUN DEPAN.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU MEREKA ITU BAHAWA SEBUAH JAWATANKUASA PELAKSANAAN TELAH DITUBUHKAN UNTUK MENGESAN PELAKSANAANNYA SECARA PERCUBAAN DALAM 302 BUAH SEKOLAH RENDAH TAHUN INI DAN MERANCANG PELAKSANAAN SEPENUHNYA TAHUN DEPAN.

HASIL PENGESANAN OLEH PARA PEGAWAI DI PERINGKAT KEMENTERIAN DAN NEGERI TELAH DAN AKAN DISAMPAIKAN KEPADA JAWATANKUAEA ITU, KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENJAWAB PARA WAKIL RAKYAT YANG MENYOAL SAMA ADA KURIKULUM 3M AKAN MENUKAR +CIRI+, CORAK +ATAU KEPERIBADIAN+ SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA DAN SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL. — BERSAMBUNG 1640/SZ

PARLIMEN-MAHATHIR-3M 4 KUALA LUMPUR

MENURUT LAPORAN JAWATANKUASA KABINET YANG MEMPERAKUKAN SISTEM 3M, SISTEM PERSEKOLAHAN PERINGKAT RENDAH SEKARANG YANG MENGGUNAKAN TIGA BAHASA PENGANTAR AKAN DITERUSKAN.

INI BERMAKNA SEKOLAH KEBANGSAAN AKAN MENGGUNAKAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI PENGANTARNYA, SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CHINA MENGGUNAKAN BAHASA CINA DAN SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL MENGGUNAKAN BAHASA TAMIL.

SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT BUKAN SAHAJA AKAN TERUS WUJUD MALAHAN MASA UNTUK MEMPELAJARI BAHASA-BAHASA PENGANTAR DI SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT AKAN DITAMBAH MELALUI KURIKULUM 3M, TEGASNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA PELAKSANAAN SISTEM 3M ADALAH SATU PERUBAHAN KURIKULUM YANG TIDAK ADA KENA-MENGENA DENGAN DASAR PELAJARAN NEGARA.

+TIDAK ADA NIAT DAN TIDAK ADA TINDAKAN UNTUK MENGHAPUSKAN BAHASA SESIAPA+, TEGASNYA.
--BERSAMBUNG 1706/AN

PARLIMEN-MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA MUNGKIN PADA MULANYA TUDUHAN-TUDUHAN YANG DIBUAT KERANA TIDAK FAHAM, TETAPI SEMUA PIHAK SUDAH DIBERI MAKLUMAT YANG CUKUP TENTANG SISTEM 3M.

LAPORAN JAWATANKUASA KABINET YANG MEMPERAKUKAN SISTEM 3M ITU PERNAH DIEDARKAN KEPADA RAMAI AKHIR TAHUN 1979, KATA PERDANA MENTERI ANTARA ANGGOTA-ANGGOTA JAWATANKUASA ITU TERMASUK WAKIL RAKYAT YANG MEWAKILI PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL DAN LAPORAN ITU TELAH PUN DITERIMA OLEH KERAJAAN.

MENJAWAB MENGENAI JADUAL PENYEDIAAN BAHAN, PERDANA MENTERI BERKATA PADA KESELURUHANNYA BAHAN-BAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN DISIAPKAN DALAM TAHUN SEBELUM TAHUN PELAKSANAAN.
--BERSAMBUNG 1717/AN

PARLIMEN-MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA BAHAN-BAHAN UNTUK KEGUNAAN GURU SEPERTI BUKU TAJUK PELAJARAN, BUKU PANDUAN AM DAN BUKU SUMBER DISEDIAKAN DALAM BAHASA MALAYSIA.

INI ADALAH AMALAN BIASA DI SEMUA SEKOLAH DAN TIADA SIAPA PERNAH MEMBANTAH ATAU MENGANGGAPNYA SEBAGAI MENUKAR CIRI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA ATAU TAMIL, KATANYA.

DARIPADA TINJAUAN KE SEKOLAH-SEKOLAH DALAM BULAN JANUARI DAN BULAN LALU, KATANYA DIDAPATI GURU-GURU DARI SEMUA JENIS SEKOLAH BERUPAYA MENGGUNAKAN BAHAN-BAHAN YANG DISEDIAKAN DALAM BAHASA MALAYSIA.

BAGAIMANAPUN ADA GURU-GURU YANG KURANG MENGUASAI BAHASA MALAYSIA KERANA MEREKA TELAH MENERIMA LATIHAN DALAM BAHASA CINA ATAU BAHAWA TAMIL DAN LANGKAH-LANGKAH SEDANG DIAMBIL UNTUK MEMBANTU MEREKA ITU.

KEMENTERIAN PELAJARAN JUGA TIDAK MENGHALANG USAHA-USAHA DARI PIHAK-PIHAK LAIN UNTUK MENJTERJEMAHKAN BAHAN-BAHAN TERSEBUT KE DALAM BAHASA CHINA DAN TAMIL.

PERDANA MENTERI BERKATA KEBANYAKAN BAHAN BACAAN UNTUK KEPERLUAN 3M AKAN DITERBITKAN OLEH PENERBIT SWASTA DAN 108 PENERBIT SWASTA TELAH DIBERI PENERANGAN JELAS MENGENAI SISTEM ITU.

MEREKA TELAH PUN MENYATAKAN KESANGGUPAN UNTUK MENGELUARKAN BAHAN-BAHAN TERSEBUT DALAM SEMUA BAHASA . -- BERSAMBUNG 1800/SZ

B604

PARLIMEN-MAHATHIR 7 KUALA LUMPUR

SELESAI SAHAJA PERDANA MENTERI MEMBERI JAWAPAN PANJANG LEBAR ITU, ANGGOTA-ANGGOTA KERAJAAN MEMBERI TEPUKAN GEMURUH KEPADANYA.

KEMUDIAN MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK IKHWAN NASIR (BN-PONTIAN) PERDANA MENTERI BERKATA 3M BUKAN ISU POLITIK TETAPI DIJADIKAN SEDEMI-KIAN OLEH ORANG YANG KEHILANGAN MODAL.

MENJAWAB ENCIK LEE LAM THYE (DAP-KUALA LUMPUR-BANDAR) PERDANA MENTERI BERKATA PUNGUTAN SUARA TIDAK PERLU DIADAKAN UNTUK MENGUKUP SAMBUTAN RAKYAT TERHADAP 3M.

MENJAWAB SOALAN ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-PETALING) DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN KERAJAAN AKAN MENIMBANG MEMBAIKI KELEMAHAN-KELEMAHAN.

MENJAWAB SOALAN ENCIK NAKHAIE HAJI AHMAD (PAS-BALING) PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK SEDAR KURIKULUM 3M MENGURANGKAN PENEKANA

TERHADAP TULISAN JAWI.

--BERNAMA 1809/AN